

BERITA ONLINE

ASTRO AWANI

TARIKH: 9 OGOS 2022 (SELASA)



Cradle Fund meterai MoU bersama Microsoft Malaysia, tingkat kemahiran syarikat pemula

Hasimi Muhamad
Ogos 9, 2022 17:05 MYT



Menteri MOSTI, Datuk Seri Dr Adham Baba (tengah) hadir menyaksikan pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara Cradle Fund Sdn. Bhd dengan Microsoft Malaysia. - Foto/Astro AWANI

KUALA LUMPUR: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi agensi di bawahnya, Cradle Fund Sdn Bhd (Cradle) hari ini memeterai perjanjian persefahaman (MoU) bersama Microsoft Malaysia.

Kolaborasi antara Cradle dan Microsoft membuktikan komitmen kedua-dua pihak dalam menyediakan platform kepada syarikat pemula tempatan bagi membangunkan hasil inovasi di peringkat global.

Menerusi pemeteraian memorandum tersebut, Cradle akan bekerjasama dalam program Microsoft for Startups Founders Hub dengan menyediakan peluang untuk meningkatkan kemahiran, memberi panduan dari segi teknikal, serta menyediakan capaian kepada Microsoft Mentor Network.

Selain itu, syarikat pemula yang terbabit turut diberikan akses percuma kepada GitHub Enterprise dan peningkatan produktiviti dengan Microsoft 365 serta kredit awan Azure bernilai sehingga AS\$150,000 (RM668,400).

Pertukaran memorandum tersebut disempurnakan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cradle, Norman Matthieu Vanhaecke dan Pengarah Urusan Microsoft, K Raman, serta disaksikan oleh Menteri MOSTI, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Menurut Dr Adham, jalinan kerjasama antara Cradle dan Microsoft diharap dapat memastikan kemampanan ekosistem syarikat pemula dan memberi manfaat untuk mereka meneroka kepakaran serta ilmu bagi meneroka pasaran antarabangsa.

"MoU di antara Cradle dan Microsoft ini antaranya melibatkan penjenamaan fizikal dan digital daripada kedua-dua pihak; perkongsian data dalam membangunkan program yang bersesuaian untuk start-ups; dan akses kepada alatan atau perisian yang bersesuaian bagi pembangunan teknologi sesebuah syarikat start-up.

"Sudah pasti, Cradle dan Microsoft berkongsi matlamat yang sama iaitu untuk menggunakan teknologi bagi meningkatkan taraf kehidupan dan kemahiran tenaga kerja di Malaysia bagi memenuhi sasaran ekonomi digital negara dan seterusnya menghadapi cabaran Industri 4.0.

"MOSTI yakin kolaborasi ini dapat memberi manfaat kepada ekosistem start-up. Usahawan start-up juga perlu mengambil peluang dalam memanfaatkan kepakaran dan ilmu yang ada pada syarikat bertaraf antarabangsa seperti Microsoft untuk meneroka pasaran global," katanya pada Majlis pertukaran MoU antara Cradle dan Microsoft di sini hari ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata kolaborasi tersebut juga akan memastikan daya tahan ekonomi, kemahiran serta pengetahuan digital dapat dikuasai, seterusnya menyediakan persekitaran digital yang dipercayai serta selamat agar perniagaan dapat berkembang maju.

Dr Adham menambah, syarikat pemula berasaskan teknologi berjaya menghasilkan hampir USD\$3 trilion di seluruh dunia iaitu setanding dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebuah ekonomi negara G7.

MOSTI juga kata beliau komited untuk menyediakan sokongan kepada lebih 5,000 syarikat pemula menerusi Pelan Hala Tuju Ekosistem Start-up (SUPER) 2021-2030, dengan sasaran lima daripadanya berstatus 'unicorn' menjelang 2025.

"Ketika Malaysia beransur-ansur membuka semula ekonominya, kita yakin bahawa usahawan start-up akan memainkan peranan penting dalam membantu memulihkan ekonomi negara terutamanya melalui inovasi yang diperkenal dengan teknologi yang mengambil kira

penyelesaian yang bersesuaian agar dapat meringankan beban dan isu-isu yang dihadapi oleh rakyat Malaysia," katanya lagi.

Sementara itu, Norman ketika berucap berkata, pihaknya yakin kerjasama tersebut dapat menjadi pemangkin kepada pertumbuhan dan pengembangan komuniti start-up di Malaysia selaras dengan hasrat kerajaan untuk memperkasakan ekosistem start-up di negara ini.

"Apa yang sering kita perhatikan dalam kalangan start-up adalah cabaran dalam merealisasikan idea.

"Kita dapat melihat ramai usahawan berbakat dengan idea yang hebat, tetapi bergelut untuk menggunakan sepenuhnya teknologi bagi "menghidupkan" idea mereka.

"Oleh itu, kami teruja untuk bekerjasama dengan Microsoft sebagai rakan strategik kami. Dengan menggabungkan sumber Cradle dengan kepakaran teknologi daripada Microsoft, kita akan dapat memupuk sebuah ekosistem start-up yang lebih celik teknologi dan kolaboratif di Malaysia," kata Norman.